

Jepun perlu tegas hadapi tekanan Barat — Abdullah

UM 11 JUL 2003

Daripada ASUKIABAS

TOKYO 10 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Jepun perlu bertegas menghadapi tekanan daripada pihak Barat untuk membolehkannya menjadi pemimpin dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi rantau Asia Timur.

Timbalan Perdana Menteri berkata, negara-negara serantau termasuk Malaysia yang memandang Jepun sebagai peneraju ekonomi Asia Timur agak kecewa kerana negara itu mudah tunduk kepada tekanan

Barat dalam hal-hal berkaitan kepentingan ekonomi rantau ini.

Mengambil contoh cadangan penubuhan Tabung Kewangan Asia semasa krisis ekonomi 1997, Abdullah berkata: "Semua orang gembira, Perdana Menteri kami (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) amat gembira untuk turut menyokong cadangan itu.

"Tetapi kemudiannya Tabung Kewangan Antarabangsa buat bising sedikit dan anda (Jepun) menarik balik sokongan untuk cadangan itu, tentulah kami kecewa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi perbincangan panel pada Forum Perniagaan Jepun-Malaysia yang dihadiri oleh kira-kira 500 pemimpin korporat, ahli politik dan pegawai kerajaan kedua-dua negara di bangunan Tokyo Kaikan, di sini hari ini.

Forum anjuran bersama Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa dan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun itu diadakan sempena lawatan rasmi tiga hari Timbalan Perdana Menteri ke Jepun yang bermula hari ini.

■ Lihat muka 4

Jepun perlu tegas hadapi tekanan Barat — Abdullah

Abdullah berkata, selain Jepun, negara lain yang boleh dianggap sebagai peneraju kepada ekonomi Asia Timur adalah China yang diramalkan bakal menjadi kuasa ekonomi baru.

Bagaimanapun, katanya, China turut menjadi satu cabaran kepada negara serantau kerana mereka perlu bersaing untuk mendapatkan pelaburan langsung asing yang banyak mengalir masuk ke negara itu.

"Malaysia tidak dapat mengelak daripada membuat penyelarasan untuk menghadapi cabaran yang ditimbulkan oleh China.

"Tetapi dari satu segi kami menganggap China seba-

gai satu peluang, bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga politik," katanya.

Menurut beliau, China telah membuktikan bahawa ia mampu menjadi rakan yang boleh diharap semasa berlaku krisis ekonomi dan mata wang pada tahun 1997 dengan mengekalkan nilai mata wang Renmimbi walaupun turut diserang oleh penyangak mata wang.

"Pada sidang kemuncak ASEAN+3 masa itu, pemimpin serantau termasuk Dr. Mahathir bertemu dengan pemimpin China dan menyatakan kebimbangan mereka mengenai bencana yang mungkin berlaku sekiranya Renmimbi (mata wang China) dinilai semula.

"China menyatakan mereka sedar tentang perkara itu dan berjanji tidak akan berbuat demikian.

"Mereka terbukti telah memenuhi janji tersebut walaupun turut diserang," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai risiko politik dan puak fundamentalis Islam, Abdullah berkata, Malaysia berhasil mengekalkan kestabilan negara kerana kerajaan tidak pernah bertolak ansur dengan sebarang bentuk ekstremisme.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa perkataan 'fundamentalis' itu tidak betul kerana asas-asas Islam tidak pernah menggalakkan kekerasan sebaliknya kesederhanaan dalam semua perkara.

"Kami ini yang sebenarnya fundamentalis Islam, kami sederhana dan boleh bergaul dengan semua orang, itulah ajaran Islam yang asas, bukannya ekstremisme.

"Malaysia adalah contoh terbaik mengenai apa sebenarnya Islam moden," tegasnya.